



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**09 September 2023
23 Safar 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	• Lima nelayan bot Indonesia ditahan ceroboh perairan negara
Sinar Harian	• •
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		15	09.09.2023

Lima nelayan Indonesia ditahan ceroboh perairan negara

GEORGE TOWN – Maritim Malaysia (APMM) menahan sebuah bot nelayan asing Indonesia selepas dipercayai menceroboh perairan negara ini dengan menangkap hasil laut kelmarin.

Penahanan ke atas bot yang dinaiki lima warga Indonesia termasuk seorang tekong itu dilakukan di kedudukan 37 batu nautika Barat Daya, Pulau Kendi.

Pemangku Pengarah Maritim Negeri Pulau Pinang, Komander Maritim Nak Rong A/L Si Prom berkata, tangkapan dijalankan ketika Kapal Maritim (KM) *Burau*

melakukan rondaan rutin di perairan terbabit.

“Sebaik merapat ke bot berkenaan, pihak Maritim Malaysia telah melakukan penggeledahan serta pemeriksaan dan mendapati bot tersebut dikendalikan oleh lima kru termasuk tekong warga Indonesia berumur antara 12 hingga 35 tahun.

“Hasil pemeriksaan lanjut, pihak Maritim Malaysia turut mendapati kesemua mereka tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri yang sah,” katanya di sini semalam.

Beliau memberitahu, kru bot terbabit direman selama 14 hari bagi membantu siasatan manakala bot dan hasil tangkapan ikan telah ditahan serta dibawa ke Jeti Limbongan Batu Maung untuk tindakan lanjut.

Jelasnya, kesalahan terbabit akan didakwa di bawah Seksyen 15 (1) (a) Akta Perikanan 1985 iaitu menangkap ikan atau cubaan menangkap ikan di dalam perairan Malaysia dan Seksyen 6 (1) (c) Akta Imigresen 1959/63 iaitu tidak memiliki permit atau pas yang sah.



LIMA warga Indonesia termasuk seorang tekong yang ditahan di Pulau Kendi kelmarin.